

Paxlovid dijangka diterima dua minggu lagi

KUALA LUMPUR: Ubat antiviral bagi rawatan Covid-19 Paxlovid keluaran Pfizer, dijangka akan mula diterima dalam tempoh dua minggu, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, bagi perolehan fasa pertama antiviral itu, Malaysia telah membeli ubat itu untuk 110,000 pesakit, bagi diberikan kepada individu berisiko tinggi.

"Kalau kita dapati penggunaan ubat ini berkesan seperti maklumat yang telah kita terima, kita akan tambah pembelian ubat ini, Paxlovid daripada Pfizer.

"Ada dua lagi yang kita akan beli (iaitu) Molnupiravir dan satu lagi daripada AstraZeneca, tetapi belum dimuktamadkan," katanya, kepada pemberita selepas melancarkan Persidangan Dialisis Tahunan kali ke-16 Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) di sini semalam.

Khairy ketika menyampaikan ucapan perasmian turut mencadangkan satu ciri baharu di aplikasi MySejahtera, yang membolehkan orang ramai berikrar untuk menjadi penderma organ.

Beliau berkata, usaha itu perlu memandangkan negara kini berhadapan peningkatan pesakit penyakit buah pinggang kronik, manakala jumlah individu yang berikrar sebagai penderma organ semakin berkurang, malah Malaysia antara yang terendah di dunia.

"Saya akan cuba yang terbaik bagi dapatkan ikrar dan menjadikan ia lebih mudah untuk orang ramai ikrar untuk dermakan organ mereka... Saya sedang cuba untuk MySejahtera menambah 'butang' supaya hanya dengan menekan butang tersebut dan berikrar menjadi menderma organ," katanya.- Bernama



PELANCARAN... Khairy Jamaluddin Abu Bakar (tengah) melancarkan program Persidangan Dialisis Tahunan Ke-16 Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) di sebuah hotel semalam. • Foto BERNAMA